



Headline: Peneroka rugi RM39,000 diperdaya Macau Scam

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 26 May 2022

Language: Malay

Section: Nasional

Page: 25

Peneroka rugi RM39,000 diperdaya Macau Scam

Seremban: Seorang peneroka di Jempol mendakwa kerugian RM39,000 setelah diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pegawai polis pada 7 Mei lalu.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook berkata lelaki berusia 72 tahun itu mendakwa terima panggilan daripada LHDN dan kemudian disambungkan kepada seorang individu kononnya pegawai polis daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan yang memberitahu lelaki itu terbabit dengan kes pengedaran dadah.

“Percaya dengan perkara itu, mangsa kemudian membuat pemindahan wang melalui mesin de-

posit tunai ke dua akaun berbeza beberapa kali sejak hari sama hingga 10 Mei lepas kononnya untuk siasatan bagi menyelesaikan kes itu dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM39,000.

“Kesemua resit pemindahan wang mangsa telah diarahkan supaya di-

buang oleh lelaki itu bagi mengelak dirinya dikesan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Hoo berkata mangsa yang menyedari diperdaya membuat laporan polis semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu. **BERNAMA**

“Percaya dengan perkara itu, mangsa membuat pemindahan wang melalui mesin deposit tunai ke dua akaun berbeza beberapa kali kononnya untuk siasatan bagi menyelesaikan kes itu dengan jumlah keseluruhan RM39,000”

Hoo Chang Hook,
Ketua Polis Daerah Jempol

